

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 8 OKTOBER 2019

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dasar luar negeri terhadap China :-

(a) sama ada berdasarkan "ethnopolitics" semasa pentadbiran Barisan Nasional ; dan

(b) sama ada usul Ucapan Terima Kasih diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 25 April 1973 yang menyangkut penjalinan diplomatik dengan China dengan syarat-syarat Bahasa Malaysia, sekolah kebangsaan dan menentang komunis masih berkuatkuasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibu atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia sentiasa mengamalkan dasar luar yang berprinsip dan pragmatik. Ia tidak pernah disandarkan khusus kepada satu agama, bangsa atau perkauman. Dasar luar Malaysia sentiasa menekankan kepada memupuk hubungan baik dengan semua negara, tanpa mengambil kira ideologi atau sistem politik negara tersebut, termasuklah China.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Malaysia dan China mewujudkan hubungan diplomatik pada 31 Mei 1974. Ia direalisasikan melalui Pernyataan Bersama (*Joint Communiqué*) yang ditandatangani oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak dan mantan Perdana Menteri China, Chou En-lai pada tarikh yang sama. Pernyataan Bersama tersebut merupakan dokumen rasmi yang menjadi batu asas kepada ikatan persahabatan yang baik di antara Malaysia dan China.

4. Dalam hal ini, Pernyataan Bersama tersebut tidak sekali pun menetapkan bahawa Bahasa Malaysia, sekolah kebangsaan atau menentang komunis sebagai syarat-syarat untuk menjalinkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Kementerian Luar Negeri juga ingin menarik perhatian bahawa dokumen bersejarah tersebut hanya menggariskan perkara-perkara seperti berikut:

- 4.1. Malaysia dan China mempunyai sistem sosial yang berlainan dan ia bukan satu batu penghalang bagi kedua-dua negara menubuhkan hubungan diplomatik yang aman dan mesra;
- 4.2. Hubungan dua hala Malaysia dan China adalah berdasarkan kepada prinsip saling menghormati kedaulatan wilayah, tidak

campur tangan dalam hal ehwal dalaman, kesaksamaan dan manfaat bersama serta kewujudan bersama secara aman;

- 4.3. Selaras dengan Dasar 'Satu China', Kerajaan Malaysia mengiktirafkan bahawa negara China hanya mempunyai sebuah Kerajaan sahaja dan Taiwan merupakan sebahagian daripada wilayah China; dan
- 4.4. Kerajaan China juga mengambil maklum bahawa Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dan kedua-dua negara tidak akan mengiktirafkan dwi-kewarganegaraan. Pada masa yang sama, Kerajaan China telah menasihatkan kaum Cina yang menjadi warganegara Malaysia supaya mematuhi segala peraturan dan undang-undang Malaysia serta menghormati amalan hidup dan adat budaya orang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Oleh itu, sekali lagi saya ingin jelaskan bahawa dasar luar Malaysia tidak pernah berpaksikan kepada "ethnopolitics" atau khusus kepada sesuatu kaum, agama atau budaya sahaja. Sebaliknya, ia mewakili dan merangkumi kepentingan semua rakyat Malaysia secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.